

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG (KAMPAR)**

**SOALAN**

**TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan rancangan Kerajaan untuk menaik-taraf Jalan Utama Persekutuan daripada Gopeng ke Kampar kepada laluan dua lorong sehala "*dual carriageway*" demi keselamatan dan kemudahan penduduk-penduduk tempatan. Jikalau tiada, kenapa .

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tiada perancangan untuk menaiktaraf Jalan Persekutuan FT01 dari Gopeng ke Kampar kepada dua lorong sehala (*dual carriageway*) pada masa ini memandangkan tahap perkhidmatan jalan (*Level of Service, [LOS]*) di laluan tersebut masih berada pada tahap A, iaitu jalan sedia ada masih lancar dan mampu menampung isipadu trafik semasa. Walaupun begitu, Kementerian sentiasa komited dalam memastikan laluan tersebut sentiasa berada dalam keadaan yang selamat dan selesa kepada pengguna jalan raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian ini akan meneliti cadangan projek ini sekiranya dimohon dalam *Rolling Plan* yang akan datang dan akan dipertimbangkan untuk diangkat kepada Agensi Pusat sekiranya memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]**

**SOALAN**

**TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan status dan perancangan untuk mewartakan tapak sejarah Perang Dunia Kedua Green Ridge – Battle of Kampar sebagai tapak warisan selaras dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Adalah dimaklumkan bahawa perkara ini sedang dalam pertimbangan mahkamah (Saman Pemula No: AA-24NCvC-208-08/2021).
2. Sehubungan dengan itu, Peraturan 23(1)(g), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, adalah terpakai.

Sekian, terima kasih.